

SERUAN KEPADA ANGGOTA2 OIC

RESOLUSI SIDANG KEMUNCAK NEGARA-NEGARA ISLAM — DI MUKA 6

**Jangan campuri
urusan negara
Islam lain — Dr. M**

UM 31 JAN 1987

Dari Khalid Mohd.

KUWAIT 30 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta negara - negara Islam supaya jangan campur tangan dalam urusan negara Islam lain semata - mata kerana tidak sukakan sistem atau pemimpin negara tersebut.

Kerana campur tangan inilah, Timur Tengah menjadi sarang permusuhan dan persengketaan yang membawa kepada perpecahan yang tidak berkesudahan.

Bila kita sepatutnya menyokong PLO, setengah daripada kita berpakat untuk menjatuhkan pemimpinnya, Yasser Arafat," ujar beliau memberi contoh.

Berucap di sidang kemuncak negara - negara Islam di sini malam semalam, Perdana Menteri berkata, perbuatan menghasut dan melemahkan negara lain kerana sistem atau pemimpinnya tidak disukai hendaklah dihentikan.

Permusuhan dan persengketaan ini, tegas beliau, semuanya kerana hendakkan kuasa sehingga dunia Islam tertinggal jauh dalam bidang ekonomi dan teknologi moden yang menjadi punca kekuatan dunia Barat dan musuh - musuh Islam.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, perpecahan dan kelemahan umat Islam hari ini juga berpunca dari tafsiran yang ketinggalan zaman terhadap agama serta perbuatan memutarbelitkan agama untuk kepentingan sendiri.

Beliau mengingatkan bahawa amalan dan cara hidup Islam bukanlah sekadar membuat apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang ditegah kerana sikap ini akan cuma menutup pintu ijtihad. Perang Iran-Iraq yang berlarutan itu adalah bukti bagaimana agama diputarbelitkan untuk kepentingan nasionalisme sempit, katanya. Menurutnya, perang tersebut telah menjadi suatu "alat" untuk memusnahkan orang - orang Islam dan kepercayaan mereka. Kita nampak dan kita tahu kuasa - kuasa besar mahu perang ini berterusan. Kita mahu mereka berbuat demikian untuk memastikan dunia Islam terus lemah dan ini akan menghalang menyelesaikan masalah Palestin.

"Amatlah menyedihkan mengetahui bahawa terdapat negara Islam yang masih sanggup bekerjasama dengan musuh - musuh Islam untuk menghancurkan umat Islam sendiri," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal kerana akibat permusuhan dan persengketaan sesama Islam, kemaraan ganas Zionis hampir sudah tidak mendapat tentangan lagi sehingga peluang penyelesaian di Timur Tengah kini lebih bergantung kepada daya usaha orang lain, bukan orang Islam.

"Di setiap kemuncak OIC, kita mengisytiharkan perpaduan kita, tapi pada hakikatnya, kita terus berpecah," katanya.

Perdana Menteri juga menarik perhatian bahawa kemajuan ekonomi dan teknologi dalam dunia Islam amat perlahan lebih - lebih lagi dengan sikap negara - negara maju yang semakin tidak mahu bekerjasama. Keadaan ini ditambah pula dengan kemelesetan ekonomi yang masih berterusan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa negara - negara Islam tidak boleh "menutup" dirinya seperti yang dibuat dalam zaman unta dan kapal layar dulu.

"Jika Islam satu agama yang hidup bersama zaman dan masa, penganut - penganutnya mestilah tahu bagaimana hendak berhadapan dengan perubahan - perubahan yang melibatkan mereka," katanya. Mereka juga, tambah beliau, hendaklah sedar bahawa penduduk Islam yang berjumlah 900 juta itu tidak boleh terasing dari hidup umat lain di dunia ini kerana apa yang terjadi pada umat Islam dan apa yang umat Islam lakukan mempunyai kesan langsung kepada dunia.